

SAJAH

Eya

&

Tanda Baca

A. HURUF KECIL ATAU BESAR?

1. *Huruf kecil bagi huruf awal perkataan

SALAH	BETUL
siapakah yang...	Siapakah yang....
...berkhidmat di cawangan trafik polis diraja malaysia	...berkhidmat di Cawangan Trafik Polis Diraja Malaysia
orang malaysia	orang Malaysia

2. *Keliru frasa nama am dan frasa nama khas

SALAH	BETUL
Saya mengajarkan <u>bahasa</u> <u>Melayu</u> selama sepuluh tahun.	Saya mengajarkan <u>Bahasa</u> <u>Melayu</u> selama sepuluh tahun.
Penggunaan <u>Bahasa Melayu</u> ...	Penggunaan <u>bahasa Melayu</u> ...
Mereka menaiki <u>Kereta Proton</u> <u>Persona</u> .	Mereka menaiki <u>kereta Proton</u> <u>Persona</u> .

B. KESALAHAN YANG LAZIM

1. *Ejaan tidak tepat

SALAH	BETUL
• catit	catat
• pendita	pendeta
• bistari	bestari
• pelikat (kain)	pelekat
• sayugia	seyogia
• sink	sinki

2. *Pengaruh ejaan bahasa Inggeris

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• March• mee• February• July• December	Mac mi Februari Julai Disember

3. *Tidak pasti ejaan perkataan hampir sama bunyi

Konsonan	Vokal
• mujarad - mujarab	• tempoh - tempuh
• sangkal - sangkar	• telor - telur
• syiling - siling	• tonton - tuntun

C. POLA KESELARASAN HURUF VOKAL

*Keliru tentang pola keselarasan vokal Sistem Ejaan Rumi Baharu bagi kata pinjaman

SALAH	BETUL
aniih	aneh
calun	calon
perabut	perabot

POLA KESELARASAN VOKAL

	POLA	CONTOH		POLA	CONTOH
1	a – a	ayah; kapak; rancak; halaman; kelawar	10	i – a	iras; bilah; girang; selinap
2	a – i [▲]	adik; pasir; latih; sumbangsih	11	i – i [▲]	itik; sisik; bimbing; belimbing; serindit
3	a – u [▲]	asuh; lapuk; ranum; lembayung	12	i – u [▲]	ikut; tikus; himpun; seliuh
4	e pepet – a	eram; cepat; ternak; tembelang	13	o – a	ombak; joran; lopak; tempoyak
5	e pepet – i [▲]	celik; lebih; herdik; sembelih	14	o – e taling	oleh; molek; toreh; celoteh
6	e pepet – u [▲]	empuk; terus; perut; temenggung	15	o – o	otot; contoh; bolos; keropok; kelompok
7	e taling – a	elak; cetak; sentak; belerang; kecawa	16	u – a	ubat; julang; buah; ketupat
8	e taling – e taling	ejek; seret; kehel; cerewet; selekeh	17	u – i [▲]	upih; bukit; sunting; tempuling
9	e taling – o	elok; tempoh; cebok; selekeh	18	u – u [▲]	ukur; syukur; busuk; tempurung

POLA KECUALIAN

	POLA	CONTOH		POLA	CONTOH
1	a – e taling	aneh; awet; kaget; panel; karbaret		e taling – i	- tesis; objektif
2	a – o	calon; lancong; atom; faktor		e taling – u	- spektrum; petroleum
3	e pepet – e taling	gembeleng; -		e pepet – e pepet	dendem; pepet; -
4	e pepet – o	jempol; gabenor; interkom		i – e pepet	... filem; partikel
5	i – e taling	...		o – i	- fosil; polis; narkotik
6	i – o	...		o – u	- bonus; forum; korum
7	u – e taling	tulen; subjek; dokumen		u – e pepet	... sumber; komputer
8	u – o	lelucon glukos; kupon		e taling – e pepet	- meter; Disember
9	a – e pepet	... teater; konstabel		o – e pepet	- konsert; poster
10					
11					
12					
13					
14					
15					
16					
17					
18					

D. EJAAN FRASA SENDI NAMA

1. ***Mencantumkan kata sendi nama *di* dan *ke* dengan kata nama / kata arah**

SALAH	BETUL
• dimana	di mana
• disini	di sini
• disekolah	di sekolah
• ketepi	ke tepi
• kepekan	ke pekan

E. EJAAN KATA KLITIK

1. *Tidak mencantumkannya dengan kata dasar

(a) Awal kata dasar

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• kau bawa• ku terima	kaubawa kuterima

(b) Akhir kata dasar

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• basikal mu• ibu ku• beg nya• kudrat Mu• kehendak Nya	basikalmu ibuku begnya kudrat-Mu kehendak-Nya

F. EJAAN KATA GANDA

*Tidak menggunakan tanda sempang

SALAH	BETUL
• berlari lari	berlari lari
• kanak kanak	kanak k kanak
• kusut masai	kusut t masai
• kasih mengasihi	kasih-mengasihi

G. EJAAN KATA MAJMUK

1. *Mencantumkan dua unsur ditetapkan ejaannya terpisah

SALAH	BETUL
• atur <u>cara</u>	atur cara
• keret <u>api</u>	kereta api
• pasar <u>raya</u>	pasar raya
• sam <u>ada</u>	sama ada
• tengah <u>hari</u>	tengah hari

Yang diejakan bercantum:

(a) Bentuk yang mantap dan utuh sebagai satu kata (15 perkataan):

- antarabangsa
- beritahu
- bumiputera
- jawatankuasa
- kakitangan
- kerjasama
- matahari
- olahraga
- pesuruhjaya
- setiausaha
- sukarela
- suruhanjaya
- tandatangan
- tanggungjawab
- warganegara

(b) Secara lazimnya dieja bercantum

- | | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none">• apabila• apakala• bagaimana• barangkali• darihal• daripada | <ul style="list-style-type: none">• dinihari• dukacita• hulubalang• kadangkala• kepada• manakala | <ul style="list-style-type: none">• padahal• peribadi• peribahasa• perikemanusiaan• sukacita• walhal |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

H. EJAAN IMBUHAN

1. *Memisahkan imbuhan daripada kata dasar

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• pra universiti• se tinggi-tinggi• di baca	prauniversiti setinggi-tinggi dibaca

2. *Penambahan dan penghilangan ‘k’

- (a) *Menambahkan huruf ‘k’ pada akhiran *-an* dan *-i*

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• pembentukkan• keburukkan• kebaikkan• mendudukki• merujukki	<p>pembentukan keburukan kebaikan menduduki merujuki</p>

- (b) *Menghilangkan huruf ‘k’ pada akhiran *-kan*

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• melayakan• merosakan• mendudukan	<p>melayakkan merosakkan mendudukan</p>

I. MENGABAIKAN TANDA BACA

1. *Mengabaikan noktah di hujung ayat

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Jangan bermain di tebing sungai• Ahmad telah pulang Mereka akan pulang juga• Emak marah Dia berlari pulang
BETUL	Jangan bermain di tebing sungai. Ahmad telah pulang. Mereka akan pulang juga. Emak marah. Dia berlari pulang.

2. *Mengabaikan koma

(a) *Tanda senarai

SALAH	Dia ke kedai untuk membeli beras gula telur dan garam.
BETUL	Dia ke kedai untuk membeli beras, gula, telur, dan garam.

(b) *Tanda pemisahan antara dua bahagian frasa

SALAH	• Adik memilih kursus Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Jasmani dan Teknologi Maklumat dan Teknologi Pemakanan.
BETUL	Adik memilih kursus Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Jasmani, dan Teknologi Maklumat dan Teknologi Pemakanan.

3. *Mengabaikan tanda sempang (-)

- (a) *Antara dua unsur melibatkan huruf kecil dengan huruf besar dalam satu perkataan

SALAH	BETUL
hidayahNya	hidayah Nya
hambaMu	hamba Mu
ayatKu	ayat Ku
seNusantara	se Nusantara
proAmerika	pro Amerika

- (b) *Antara huruf dengan angka dalam satu perkataan

SALAH	BETUL
ke20	ke 20
90an	90 an

(c) *Pemenggalan perkataan di hujung baris tidak mengikut bunyi suku kata

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none"> • ...<u>menggega-</u> <u>rkan</u> gol. • ...<u>meng gegark-</u> <u>an</u> gol lawan. 	<ul style="list-style-type: none"> • ...mengg- egarkan gol. • ...<u>men-</u> ggegarkan gol.

(d) *Tanda sempang bukan pada tempatnya

SALAH	BETUL
ibu-bapa	ibu bapa
ko-kurikulum pra-sejarah anti-kerajaan	kokurikulum prasejarah antikerajaan

SALAH
Morfologi

A. PEMILIHAN IMBUHAN

1. *Imbuhan yang tidak sesuai

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• berbagai• berkerja• menyangkul• merbahaya• perlantikan / perlantikkan	<p>pelbagai; berbagai-bagai bekerja mencangkul berbahaya pelantikan</p>

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Dia membawa saya berpuluhan-puluhan biji jambu.• Tempat itu saya melalui pada setiap hari.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Dia membawakan saya berpuluhan-puluhan biji jambu.• Tempat itu saya lalui pada setiap hari.

2. *Tidak menepati konteks ayat

(a) Imbuhan apitan *memper-...-i*, *memper-...-kan* dan *memper-*

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Encik Asri memperisterikan gadis desa.• Puteri itu mempersuamikan pahlawan yang gagah itu.• Majikan itu memperhambakan orang gajinya.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Encik Asri memperisteri gadis desa.• Encik Asri memperisterikan Pak Mud dengan gadis desa.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Puteri itu mempersuami pahlawan yang gagah itu.• Puteri itu mempersuamikan adindanya dengan pahlawan yang gagah itu.• Majikan itu memperhamba orang gajinya.

(b) *Apitan *meN-...-i* dan *meN-...-kan* dalam ayat aktif transitif

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Pak Cik Agus menghadiahkan Ahmad basikal baharu.• Sultan manganugerahi pingat keberanian kepada pelajar itu.• Emak menghidangi sepinggan kuih.
	<ul style="list-style-type: none">• Pak Cik Agus menghadiahi Ahmad basikal baharu.• Pak Cik Agus menghadiahkan basikal baharu kepada Ahmad.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Sultan manganugerahkan pingat keberanian kepada pelajar itu.• Sultan manganugerahi pelajar itu pingat keberanian.
	<ul style="list-style-type: none">• Emak menghidangkan sepinggan kuih.• Emak menghidangi Mak Ngah Minah sepinggan kuih.

menghadiahi

VS

menghadiahkan

memberikan hadiah
kepada

menghadiahi orang

Ayah *menghadiahi*
adik sebuah basikal.

memberikan sesuatu

menghadiahkan
benda

Ayah *menghadiahkan*
sebuah basikal
kepada adik.

3. *Menggunakan kata sendi nama yang tidak sesuai dengan unsur yang mengikutinya

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• daripada Kelantan• di tahun lepas• dibuat dari kapas• dikirim pada ayahnya• di dalam hal ini• di antara adik-beradik• ada di emak• ke ayam	<ul style="list-style-type: none">• dari Kelantan• pada tahun lepas• dibuat daripada kapas• dikirim kepada ayahnya• dalam hal ini• antara adik-beradik• ada pada emak• kepada ayam

PEKA BAHASA

KATA SENDI NAMA DARIPADA

Kata sendi nama **daripada** diletakkan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, unsur abstrak, sumber atau asal usul sesuatu benda, sebahagian daripada semua, dan perbezaan atau perbandingan.

SALAH	BETUL
▪ Dia menjauhkan dirinya sama sekali dariku .	▪ Dia menjauhkan dirinya sama sekali daripadaku .
▪ Apabila Yusof telah baik dari sakitnya, dia datang mengunjungiku.	▪ Apabila Yusof telah baik daripada sakitnya, dia datang mengunjungiku.
▪ Enam orang dari mereka mati disambar petir.	▪ Enam orang daripada mereka mati disambar petir.

Gunakanlah bahasa kebangsaan yang baik dan betul.

PEKA BAHASA

KATA SENDI NAMA DARI

- ▶ Kata sendi nama (KSN) **dari** digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat dan waktu.

SALAH	BETUL
1. Awak datang daripada mana?	1. Awak datang dari mana?
2. Mereka baru sampai daripada Kuching.	2. Mereka baru sampai dari Kuching.
3. Kerajaan itu terkenal daripada kurun ke-18.	3. Kerajaan itu terkenal dari kurun ke-18.

Gunakanlah bahasa kebangsaan yang baik dan betul.

B. GANTI NAMA DIRI

1. *Ianya sebagai kata ganti nama*

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Hal itu tidak dibincangkan lagi kerana <i>ianya</i> tidak penting pada masa ini.• Tsunami berlaku di Asia Tenggara. <i>Ianya</i> fenomena yang di luar jangkaan.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Hal itu tidak dibincangkan lagi kerana (hal itu) tidak penting pada masa ini.• Tsunami berlaku di Asia Tenggara. Tsunami fenomena yang di luar jangkaan.

2. *Ia digunakan kepada bukan manusia*

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Rumah itu masih kukuh walaupun ia dibina pada tahun 1930-an.• Lembu Pak Nik hampir mati. ia perlu disembelih dengan segera.• Pendidikan agama dan moral perlu dititikberatkan kerana ia dapat membendung keruntuhan akhlak.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Rumah itu masih kukuh walaupun (rumah itu) dibina pada tahun 1930-an.• Lembu Pak Nik hampir mati. Lembu itu perlu disembelih dengan segera.• Pendidikan agama dan moral perlu dititikberatkan kerana kedua-duanya dapat membendung keruntuhan akhlak.

C. KATA PEMERI

1. *ialah sebelum frasa adjektif

SALAH	<ul style="list-style-type: none">Kenyataannya ialah sangat benar.Buku itu ialah khusus untuk pelajar lama.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">Kenyataannya adalah sangat benar.Buku itu adalah khusus untuk pelajar lama.

2. *ialah sebelum frasa sendi nama

SALAH	<ul style="list-style-type: none">Guru agama saya ialah dari Mesir.Tempat pertandingan ialah di Dataran Merdeka.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">Guru agama saya adalah dari Mesir.Tempat pertandingan adalah di Dataran Merdeka.

***Adalah sebelum frasa nama**

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Bapa saudaranya adalah pegawai kanan.• Sekolah itu adalah sekolah berasrama penuh.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Bapa saudaranya ialah pegawai kanan.• Sekolah itu ialah sekolah berasrama penuh.

***Kata pemeri bersama-sama kata nafi**

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai itu ialah bukan kakitangan kami.• Arahan ini adalah bukan untuk semua guru.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai itu bukan kakitangan kami.• Arahan ini bukan untuk semua guru.

5. *Kata pemerl sebelum frasa kerja

SALAH	<ul style="list-style-type: none">• Adalah dimaklumkan bahawa kelas tambahan dibatalkan.• Kelewatannya adalah disebabkan kesesakan di jalan raya.
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Dimaklumkan bahawa kelas tambahan dibatalkan.• Kelewatannya disebabkan kesesakan di jalan raya.

ialah

vs

adalah

diikuti oleh kata nama /
frasa nama

1. Guru kelas saya **ialah** Encik Syukri.
2. Makanan kegemaran saya **ialah** mi goreng.
3. Hobi saya **ialah** membaca buku.
4. Disket **ialah** alat penyimpan data digital.

diikuti oleh kata sendi /
kata adjektif

1. Hadiah ini **adalah** untuk adik saya.
2. Ali **adalah** antara pelajar cemerlang di sekolah itu.
3. Tuduhan itu **adalah** palsu.
4. Surat yang sampai tadi **adalah** daripada kakak.

D. KATA NAFI

1. *Bukan menafikan frasa adjektif

SALAH	BETUL
bukan cantik	tidak cantik
bukan menarik	tidak menarik
bukan tertinggi	tidak tertinggi

2. *Bukan menafikan frasa kerja

SALAH	BETUL
bukan pergi	tidak pergi
bukan menulis	tidak menulis
bukan hendak lari	tidak hendak lari

2. **Tidak* menafikan frasa nama dan frasa sendi nama

SALAH	BETUL
tidak orang miskin	bukan orang miskin
tidak pelukis itu	bukan pelukis itu
tidak pencuri tersebut	bukan pencuri tersebut
tidak dari timur	bukan dari timur
tidak untuk ibu	bukan untuk ibu
tidak daripada tunangnya	bukan daripada tunangnya



SALAH
Frasa

A. FRASA NAMA

1. *Menerangkan (M) mendahului Diterangkan (D)
[penerang mendahului inti]

SALAH	BETUL
Lim Klinik	Klinik Lim
Sharifah Restoran	Restoran Sharifah
mini bas	bas mini
cili sos	sos cili
goreng pisang	pisang goreng

Kecualian: Kebiasaan dalam penggunaan

- Jawatan
- perdana menteri
 - ketua menteri
 - naib pengurus
 - pembantu penyelidik
 - ibu pejabat

- Panggilan/ gelaran
- Puan Maznah
 - Tengku Sarah
 - Pak Ngah Zuhdi
 - Dato' Menteri
 - Si Jalak

- Bilangan
- dua orang pelajar
 - beberapa ekor gajah
 - semua peserta
 - dua jambak bunga
 - para pelancong
 - kelima-lima cara

B. FRASA KERJA

1. *Frasa kerja (aktif) transitif tidak diikuti objek secara langsung

SALAH	Saya sedang memandu .
BETUL	Saya sedang memandu kereta.

SALAH	Pegawai itu telah menjelaskan .
BETUL	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai itu telah menjelaskan hal sebenar.• Pegawai itu telah menjelaskan bahawa perkara itu benar.

SALAH	Dia sudah melupakan .
BETUL	Dia sudah melupakan peristiwa tersebut .

2. *Frasa kerja tak transitif tidak diikuti pelengkap

SALAH	Mereka tinggal .
BETUL	Mereka tinggal di kampung .

SALAH	Dia tidur berbantalkan .
BETUL	Dia tidur berbantalkan beg sandangnya .

SALAH	Ayahnya beransur .
BETUL	Ayahnya beransur baik .

SALAH	Bas itu membelok sebelum terbabas.
BETUL	Bas itu membelok ke kanan sebelum terbabas.

SALAH	Kedua-duanya masih berada .
BETUL	Kedua-duanya masih berada di Labuan .

C. FRASA ADJEKTIF

1. *Lebih daripada satu kata adjektif darjah penghabisan dalam satu frasa

SALAH	BETUL	
paling tinggi sekali	paling tinggi	tinggi sekali
terbesar sekali	besar sekali	terbesar
paling termasyhur sekali	<ul style="list-style-type: none">paling masyhurtermasyhur	<ul style="list-style-type: none">masyhur sekali

2. *Agak dengan sekali

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">agak baik sekaliagak fasih sekaliagak jauh sekali	<ul style="list-style-type: none">agak baikagak fasihagak jauh

D. FRASA SENDI NAMA

1. *Kata sendi nama diikuti bukan kata nama

SALAH	BETUL
• oleh kerana	• oleh sebab

2. *Menggugurkan kata sendi nama *ke* unsur kedua

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• bukan <u>ke</u> Perak tetapi Melaka• <u>ke</u> sungai atau sawah?• <u>ke</u> hulu hilir• <u>ke</u> atas bawah• <u>dari</u> bandar kampung	<ul style="list-style-type: none">• bukan ke Perak tetapi <i>ke</i> Melaka• ke sungai atau <i>ke</i> sawah?• ke hulu <i>ke</i> hilir• ke atas <i>ke</i> bawah• dari bandar <i>ke</i> kampung

3. *Menggunakan bentuk se- tidak seimbang

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• dari semasa ke masa• dari masa ke semasa	<ul style="list-style-type: none">• dari semasa ke semasa• dari masa ke masa
<ul style="list-style-type: none">• dari setahun ke tahun• dari tahun ke setahun	<ul style="list-style-type: none">• dari setahun ke setahun• dari tahun ke tahun

2. *Menggandakan kedua-dua unsur kata majmuk ejaan terpisah

SALAH	BETUL
<ul style="list-style-type: none">• guru besar-guru besar• kapal terbang-kapal terbang• mata pelajaran-mata pelajaran• raja muda-raja muda	<p>guru-guru besar kapal-kapal terbang mata-mata pelajaran raja-raja muda</p>



SALAH
ayat

1. *Ayat tergantung / tidak lengkap (subjek + predikat)

(a) *Tiada subjek

SALAH	Amatlah pilu melihat keadaan itu.
BETUL	Amatlah pilu hatinya melihat keadaan itu.

(b) *Tiada predikat / predikat tidak lengkap

SALAH	Hal ini kerana dia bukan orang tempatan.
BETUL	Hal ini dikatakan demikian kerana dia bukan orang tempatan

SALAH	Pindaan perlembagaan yang dibuat untuk menyesuaikannya dengan keperluan semasa.
BETUL	Pindaan perlembagaan yang dibuat untuk menyesuaikannya dengan keperluan semasa dialu-alukan oleh banyak pihak .

2. *Partikel di belakang ayat

(a) -kah

SALAH	BETUL
Dia ke sekolahkah?	Ke sekolahkah dia?
Minggu ini kamu ke sanakah?	Ke sanakah kamu minggu ini?
Itu Ismailkah?	Itukah Ismail?

(b) -lah

SALAH	BETUL
Rumah satu itulah.	Itulah rumah saya.
Yang menolong kami kamulah.	Kamulah yang menolong kami.
Adiknya sangat cantiklah!	Sangat cantiklah adiknya!

3. *Binaan ayat pasif

(a) *Ayat pasif diri pertama dan kedua

SALAH	Karangan itu ditulis oleh saya.
BETUL	Karangan itu saya tulis.

SALAH	Hal disiplin perlu dititikberatkan oleh anda.
BETUL	Hal disiplin perlu anda titikberatkan.

(b) *Ayat pasif diri ketiga

SALAH	Tempat itu akan mereka lawati esok.
BETUL	Tempat itu akan dilawati (oleh) mereka esok.

SALAH	Barang tadi dia/ia hantar kelmarin.
BETUL	Surat tadi dihantarnya/olehnya kelmarin.

4. *Menggabungkan kata permintaan atau kata silaan dengan kata larangan

SALAH	Tolong jangan berbincang di sini.
BETUL	Jangan berbincang di sini.

SALAH	Minta usah bising.
BETUL	Usah bising.

SALAH	Sila jangan tidur di beranda.
BETUL	Jangan tidur di beranda.

5. *Berbelit-belit

SALAH	Baginya masa hadapan tidak mustahak sangat namun demikian keadaan semasa paling utama perlu dalam kehidupannya.
BETUL	Masa hadapan tidak mustahak sangat baginya, sebaliknya dia mengutamakan keadaan kehidupan semasanya.



Ayat suruhan
(untuk memberi perintah
atau arahan)

Ayat larangan
(untuk menegah
seseorang melakukan
sesuatu)

Ayat perintah

Ayat permintaan
(untuk membuat
permintaan atau meminta
pertolongan)

Ayat silaan
(untuk menjemput atau
mempersilakan seseorang)



BANBOO



Utusan
ONLINE





**SILA SENYAP.
PEPERIKSAAN SEDANG
DIJALANKAN**



BILIK WUDUK LELAKI

Sila Tanggalkan
Kasut Anda Di Sini





13:29



cavinteo.blogspot.com





BETULKAN
YANG BIASA,
BIASAKAN YANG BETUL



دیوان بهاس دان پوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

LEWAH

DALAM BAHASA MELAYU

Konsep

LEWAH

1. Terlalu banyak hingga berlimpah-limpah (barang, dll.), mewah.
2. Berlebih-lebih sehingga tertambah perkara, hal, dsb. yang tidak perlu (misalnya, perkataan yang digunakan dalam ayat).

Kamus Dewan Edisi Keempat,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
2005: 934.

A. Morfologi

*(1) *Memper-...-kan* dan *diper-...-kan* digunakan untuk kata dasar adjektif

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
	Sepatutnya	Pilihan
* memerkemaskan * memerlebarkan * mempertinggikan * memperkacangkan	memerkemas memperlebar mempertinggi memperkacang	mengemaskan melebarkan meninggikan -

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
	Sepatutnya	Pilihan
* diperkemaskan * diperlebarkan * dipertinggikan * diperkacangkan	diperkemas diperlebar dipertinggi diperkacang	dikemaskan dilebarkan ditinggikan -

*(2) *Memper-...-i* dan *diper-...-i*

LEWAH		BENTUK YANG SEPATUTNYA	
Aktif	Pasif	Aktif	Pasif
<ul style="list-style-type: none"> * memperkuasai * memperakui * mempersetujui * memperdalami * memperolehi 	<ul style="list-style-type: none"> * diperkuasai * diperakui * dipersetujui * diperdalami * diperolehi 	menguasai memperakukan menyetujui mendalami memperoleh	dikuasai diperakukan disetujui didalami diperoleh

- Yang betul:**
- | | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • memperingati • memperkawani • memperisteri(i) • mempersuami(i) | <ul style="list-style-type: none"> - - - - | diperingati
diperkawani
diperisteri(i)
dipersuami(i) |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|

*(3) Kata sendi nama yang sama fungsi digunakan berderetan

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
* demi untuk * semenjak dari * hingga ke	demi semenjak hingga	untuk dari ke

*(4) Menggunakan unsur/konsep yang sama makna

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA
* ...barang import yang dibawa masuk... * Kami yakin dan percaya...	<ul style="list-style-type: none">...barang import......barang yang dibawa masukKami yakin...Kami percaya...

B. Frasa

*(1) Kata bilangan jamak digandingkan dengan kata ganda jamak

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
	Dengan bilangan jamak	Tanpa kata bilangan
* banyak <u>buah-buah</u>	banyak buah	buah-buah
* banyak <u>dedaun</u>	banyak daun	dedaun / daun-daun
* pelbagai <u>perkara-perkara</u>	pelbagai perkara	perkara-perkara
* semua <u>pelajar-pelajar</u>	semua pelajar	pelajar-pelajar
* para <u>penulis-penulis</u>	para penulis	penulis-penulis

*(2) Kata jamak digandakan

LEWAH	BENTUK SEPATUTNYA	
	Dengan bilangan jamak	Tanpa kata bilangan
<ul style="list-style-type: none"> * <u>banyak-banyak</u> orang * <u>para-para</u> menteri * <u>semua-semua</u> hal * <u>mereka-mereka</u> itu 	<p>banyak orang para menteri semua hal mereka itu</p>	<p>orang-orang menteri-menteri hal-hal -</p>

*(3) Perkataan *saling* digandingkan dengan kata kerja ganda menyaling/berbalas

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
	Dengan <i>saling</i>	Tanpa <i>saling</i>
<ul style="list-style-type: none"> * <i>saling kejar-mengejar</i> * <i>saling pukul-memukul</i> * <i>saling bersalam-salaman</i> 	<p>saling mengejar saling memukul saling bersalam</p>	<p>kejar-mengejar pukul-memukul bersalam-salaman</p>

***(4) Kata ganda jamak digandingkan dengan kata kerja *ber-...-an* jumlah banyak**

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
	Dengan gandaan	Tanpa gandaan
* bendera-bendera berkibaran	bendera-bendera berkibar	bendera berkibaran
* dedaun (daun-daun) berguguran	dedaun (daun-daun) gugur	daun berguguran
* lampu-lampu bergantungan	lampu-lampu bergantung	lampu bergantungan

***(5) Kata penguat darjah penghabisan dalam satu frasa adjektif**

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA	
	Tanpa sekali	Dengan sekali
* paling besar sekali * terkuat sekali * paling tinggi sekali	paling besar terkuat paling tinggi	besar sekali kuat sekali tinggi sekali

***(6) Dua kata sendi nama sama fungsi dalam satu frasa sendi nama**

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA
• demi untuk • sejak dari • hingga ke	• demi • untuk • sejak • dari • hingga • ke

C. Ayat

*Unsur jamak dalam subjek dan predikat yang merujuk perkara yang sama

LEWAH	BENTUK YANG SEPATUTNYA
<p>*Penghuni-penghuni rumah di kawasan itu kaya-kaya.</p> <p>.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Penghuni rumah di kawasan itu kaya-kaya.• Penghuni-penghuni rumah di kawasan itu kaya.
<p>*Banyak burung-burung di taman itu besar-besar dan cantik-cantik.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Banyak burung di taman itu besar dan cantik.• Burung-burung di taman itu besar dan cantik.• Burung di taman itu besar-besar dan cantik-cantik.



SALAE
Ringgap

1. *Kata hubung pada awal ayat salah


1. Dengan menggunakan parang yang tajam, Ahmad mencantas dahan pokok itu.
2. Pada masa akan datang, Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan Peraduan Mengarang Esei.
3. Semasa dia tiba saya sedang bersiap-siap untuk turun dari rumah.
4. Walaupun hujan turun dengan lebatnya Pak Cik Johari tetap datang ke majlis tersebut.
5. Kerana dia sakit, dia tidak dapat datang.



Ayat
songsang

2. *Dua kata penguat dalam satu frasa adjektif salah

- amat besar sekali
- sangat marah sungguh
- sungguh susah sekali
- tersangat jauh
- teramat lincah



Kecuali KA darjah
penghabisan

- terbesar sekali
- tersangat marah sungguh
- tersangat jauh sekali
- teramat lincah sekali
- paling susah sekali
- paling jauh sekali
- paling lincah sekali

TERIMA KASIH



- PERATURAN D-M

- HUKUM D-M

D-M BERMAKSUD

D

- Diterangkan

M

- Menerangkan


Unsur **DITERANGKAN**
menjadi inti terletak
pada

- KEDUDUKAN PERTAMA

Unsur **MENERANGKAN**
menjadi unsur penerang
terletak pada

- KEDUDUKAN KEDUA

KATA MAJMUK



KEBIASAAN
PERTUTURAN

Diterima dan
difahami
masyarakat

Dianggap betul

CONTOH LAIN:

Frasa ‘lain-lain hal’



Yang dirujuk perkataan ‘**hal**’ bukanya ‘lain-lain’.Perkataan sebenar ialah ‘**hal-hal lain**’

KATA MAJMUK

Rumah (D) batu (M)
Kereta (D) lembu (M)
Telur (D) burung (M)
Ayam (D) kampung (M)
Pejabat (D) Dekan (M)
Bola (D) sepak (M)

Batu rumah
Lembu kereta
Burung telur
Kampung ayam
Dekan pejabat
Sepak bola

KEKECUALIAN

- Diterbalikkan membentuk makna yang berbeza bergantung kepada unsur yang disebut dahulu.
Contoh: susu lembu (merujuk kepada susu yang diambil daripada lembu).

Diterbalikkan: Lembu susu (merujuk kepada maksud lembu yang diperlihara untuk mendapatkan susunya .

CONTOH KATA MAJMUK

BI

1. In other words.
2. Other matters
3. Chan Dental Clinic
4. Maju Ahmad Restaurant

BM

- Dalam lain perkataan
- Lain-lain perkara
- Chan Gigi Klinik
- Maju Ahmad Restoran

SEPATUTNYA

- Dengan kata-kata lain
- Perkara-perkara lain
- Klinik Gigi Chan
- Restoran Maju Ahmad



TERIMA KASIH